

U.M 30 MAR 2007 M/S 12

# Konsep kluster di Singapura

Oleh WAHID HASHIM

**D**I SINGAPURA, telah wujud konsep dan sistem persekolahan seperti mana Sekolah Kluster yang hendak diterapkan di negara ini.

Sekolah kawalan berpusat di negara itu telah 'menjadi sejarah' sejak 1970an. Projek rintis kluster telah bermula sejak 1997.

Lawatan ke Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Singapura mendapati bahawa teras pendidikan di negara tersebut disandarkan kepada lima domain yang lebih praktikal iaitu intelektual, estetika, fizikal, moral dan sosial.

Di negara tersebut, sekolah diklasifikasikan kepada beberapa jenis iaitu *independent school*, *specialized independent school*, *neighbourhood school* dan *autonomous school*.

Sebuah contoh *independent school*

ialah Nanyang Girls High School. Ciri-ciri sekolah tersebut adalah seperti berikut:

- Melantik, memilih dan memberhentikan guru
- Menentukan gaji guru luar/kontrak
- Menerima geran/perkapita seperti mana mengikut formula yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran
- Yuran sekolah menampung keperluan tambahan

*Specialized independent school*. Contoh sekolah dalam kategori ini ialah NUS of Math and Science. Ciri-cirinya:

- Pengambilan pelajar berdasarkan bakat dan potensi tertentu
- Mempunyai *niche area* yang telah dikenal pasti
- Kurikulum yang digubal khusus (*customized curriculum*)
- Menjadi pusat kecemerlangan

*Neighbourhood School* pula mempunyai ciri-ciri tersebut:

- Pengambilan guru dan enrolmen ditentukan oleh Kementerian Pelajaran
- Geran berdasarkan nisbah guru dan masyarakat (PTR)
- Gaji ditentukan oleh Kementerian Pelajaran
- Pelaksanaan kurikulum oleh Kementerian Pelajaran.

Contoh *Autonomous School* ialah Zhonghua Secondary School dan Tanjong Katong Secondary School. Ciri-cirinya adalah seperti berikut:

- Diberi kelonggaran melaksanakan program inovatif
- Boleh memilih pengambilan pelajar/guru
- Pengambilan pelajar adalah telus dan berdasarkan merit
- Mempunyai watak/identiti yang telah diiktiraf umum


Konsep autonomi dalam pendidikan di negara jiran itu meliputi aspek berikut:

- Kelonggaran mewujudkan program inovatif
- Pengambilan pelajar dilaksanakan secara telus dan berdasarkan merit
- Mempunyai watak dan identiti yang diiktiraf umum
- Pengambilan guru luar kuota, *adjunct teachers*

Apa yang menariknya di bawah autonomi kewangan apabila penetapan gaji permulaan guru adalah di luar daripada sistem yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Dana tambahan diperolehi daripada alumni, pihak industri dan lembaga pengelola.

Dari segi autonomi kurikulum, sekolah pada dasarnya berhak menggubal kurikulum tersendiri melalui program bersepadu, dan mengikut modular untuk mata pelajaran tertentu.



Turut diperkenalkan ialah modul pecutan, dan pada masa yang sama pelajar tidak boleh tamat pengajian lebih awal daripada kohort. Pihak sekolah juga bebas menggubal kurikulum terbeza (*differentiated curriculum*).

Berbeza dengan di Malaysia, sistem di Singapura tidak menuntut pelajar menduduki peperiksaan awam. Bagaimanapun, mereka diwajibkan menduduki peperiksaan antarabangsa setelah enam tahun persekolahan. Sekolah juga mengeluarkan sijil diploma tersendiri.

Penilaian adalah berasaskan sekolah dan pemindahan kredit ke universiti dibenarkan. Pentaksiran lebih fleksibel berasaskan pelajar.

Syarat kemasukan pelajar pula ditentukan oleh faktor tersebut:

- Melalui permohonan
- Peperiksaan sekolah
- *Camp* pemilihan
- Potensi dan bakat istimewa pelajar
- Terbuka kepada pelajar luar negara (20 hingga 30 peratus)

Sepertimana kehendak globalisasi dalam pendidikan, maka wujud perkongsian dengan institut pengajian tinggi dalam dan luar negara serta program bersama komuniti (CIP) di dalam dan luar negara.

Konsep yang ditekan sepanjang masa ialah *World is Global Classroom* - konsep asas di mana-mana negara maju.

**TERDAPAT** kepelbagaian dalam sistem pendidikan di Singapura, yang menjurus kepada pengantarabangsaan.